



SIARAN AKHBAR

**JERAYAWARA KESEDARAN KEWANGAN
BERSEMPENA DENGAN HARI MENABUNG KEBANGSAAN 2019
LAKSAMANA COLLEGE OF BUSINESS**

HARI SELASA, 26 ZULKAEDAH 1440H BERSAMAAN DENGAN 30 JULAI 2019M

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) melalui Jabatan Perancangan dan Pembangunan Ekonomi (JPKE) dan Tabung Amanah Pekerja (TAP), Kementerian Pendidikan (MOE), *Junior Achievement* (JA) Brunei dan beberapa institusi-institusi kewangan, telah mengadakan hari kedua bagi siri Jerayawara Kesedaran Kewangan bersempena dengan Hari Menabung Kebangsaan 2019 di Laksamana College of Business (LCB) pada hari Selasa, 26 Zulkaedah 1440H bersamaan dengan 30 Julai 2019M.
2. Hadir ke jerayawara tersebut ialah Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Metussin bin Haji Baki, Pemangku Pengarah Urusan, AMBD serta pegawai-pegawai kanan dari AMBD.
3. Jerayawara Kesedaran Kewangan sempena Hari Menabung Kebangsaan telah diadakan buat pertama kalinya pada tahun 2016. Siri jerayawara ini bertujuan untuk memberi maklumat mengenai kepentingan menabung di kalangan belia pada setiap peringkat umur. Ini juga merupakan salah satu daripada inisiatif AMBD untuk membangunkan generasi yang celik kewangan, serta untuk merealisasikan matlamat Wawasan Brunei 2035 di dalam mencapai ekonomi yang dinamik dan mampan serta penduduk yang berkemahiran tinggi.
4. Jerayawara ini telah dihadiri oleh pelajar-pelajar daripada LCB dan Kemuda Institute (KI) yang telah berpeluang untuk mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti interaktif yang bertemakan pengurusan kewangan. Aktiviti-aktiviti tersebut merupakan anjuran bersama di antara AMBD, Jabatan Perancangan dan Pembangunan Ekonomi (JPKE), Tabung Amanah Pekerja (TAP), Pusat Perbankan Islam, Kewangan dan Pengurusan (CIBFM), Persatuan Perancang Kewangan Brunei Darussalam (FPAB), *Junior Achievement* (JA) Brunei serta institusi-institusi kewangan yang turut hadir.
5. Jerayawara Kesedaran Kewangan yang seterusnya akan diadakan di Kolej International Graduates Studies (KIGS) pada hari Rabu, 31 Julai 2019.
6. Acara kemuncak bagi Hari Menabung Kebangsaan 2019 adalah *Financial Fun Fair* yang akan diadakan pada hari Sabtu, 17 Ogos 2019 dan Ahad, 18 Ogos 2019 di Jerudong Park Colonnade. Acara ini akan menampilkan pelbagai program dan aktiviti yang menarik untuk seisi keluarga termasuk persembahan khas daripada Pasukan Pancaragam Polis Diraja Brunei, *Financial Race* dan *Eco-Tech Financial Costume Competition*.
7. Untuk maklumat lanjut mengenai Hari Menabung Kebangsaan 2019, sila layari laman web AMBD di www.ambd.gov.bn; atau muat turun aplikasi mudah alih AMBD melalui 'App Store' atau 'Google PlayStore'; atau ikuti akaun Instagram AMBD di @autoriti_monetari.

FOR IMMEDIATE RELEASE

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Date: 26 Zulkaedah 1440H/ 30 Julai 2019M

Ref: AMBD/COMMS/3